05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGGUNAAN PERISIAN MULTIMEDIA OLEH GURU SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR KEMAHIRAN MEMBACA BAGI KELAS PEMULIHAN SEKOLAH RENDAH

HANI MERYLEINA BINTI AHMAD MUSTAFA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

20 Mac 2004

HANI MERYLEINA BINTI AHMAD MUSTAFA
2002 00293

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu menjalankan kajian ini terutama kepada Puan Haslina Hassan, Pensyarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Encik Khairuddin b. Man , Pegawai Unit Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan Negeri Pahang atas bimbingan dan kerjasama. Tidak lupa juga kepada Puan Nafisah Hj Hashim dan Puan Noraini Yusuf Azuddin guru bahasa SMK Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur atas nasihat dari segi penulisan dan bahasa.

Nama: Hani Meryleina Bt Ahmad Mustafa

No. Matrik: 2002 00293

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuasi eksperimental bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar. Penggunaan perisian multimedia dibandingkan dengan pengajaran tradisional yang menggunakan kad gambar, kad perkataan atau sebagainya. Keberkesanan penggunaan perisian multimedia dinilai terhadap 60 orang murid sekolah rendah di Pahang. Penilaian ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan (kawalan dan rawatan). Penilaian dijalankan berdasarkan ujian pos yang telah dilakukan dalam tempoh dua minggu berturut-turut. Perisian multimedia dibangunkan mengikut isi kandungan buku 'Begini caranya … Sayang, Buku 7' terbitan Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan perubahan min kumpulan rawatan meningkat 2.19 daripada min kumpulan kawalan. Oleh itu penggunaan perisian multimedia ini mampu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca di kalangan murid-murid kelas pemulihan.. Melalui kajian ini, pengkaji mencadangkan penggunaan perisian multimedia diperkenalkan sebagai alat bantu mengajar bagi digunakan oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research is developed based on the quasi experimental, which to see the effectiveness of the multimedia courseware as teaching aid . The usage of the multimedia courseware is compared to the use of traditional method which used picture cards, word cards etc. The research is conducted to 60 pupils of primary schools throughout the state of Pahang. The evaluation is carried by two groups (experimental and treatment). Evaluation of the post test is carried in two weeks. The multimedia courseware is developed based on the book "Beginilah caranya … Sayang , Buku 7" published by Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Results of this research shows that remedial classes which used multimedia courseware as teaching aids are able to improve the reading skills. The researcher also proposes that multimedia courseware will be introduced as teaching aids in the teaching of remedial classes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI RAJAH		ix
SENARAI JADUAL		x
LAMPIRAN		xi
BAB 1	**PENGENALAN**	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Soalan Kajian	3
1.5	Hipotesis Kajian	4
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	6
1.8	Definisi Istilah	6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

1.9	Kesimpulan	11
BAB 2	**KAJIAN LITERASI**	
2.1	Pengenalan	12
2.2	Kelas Pemulihan	13
2.3	Kajian Tidak Boleh Membaca	15
2.4	Pembelajaran Menggunakan Komputer	17
2.5	Media Pengajaran	18
2.6	Multimedia	21
2.7	Kesimpulan	25
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Keperluan Perkakasan	27
3.3	Persampelan	27
3.4	Metodologi Penyelidikan	29
3.5	Pembangunan Perisian	30
3.6	Reka Bentuk Pembangunan	33
3.7	Kesimpulan	36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

BAB 4	**ANALISIS KAJIAN**	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Analisis Dapatan Kajian	37
4.3	Kesimpulan	45
BAB 5	**RUMUSAN DAN CADANGAN**	
5.1	Pengenalan	46
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	46
5.3	Kekangan yang dihadapi semasa menjalankan kajian dan penyelesaiannya	51
5.4	Cadangan	52
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	54
5.6	Kesimpulan	55
BIBLIOGRAFI		56
RUJUKAN INTERNET		58

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

Senarai rajah **Halaman**

1.1	Peranan media dalam pengajaran dan pembelajaran	9
3.1	Reka bentuk Penyelidikan	29
3.2	Carta alir kandungan perisian	31
3.3	Model reka bentuk instruksi bersistem Hanaffin dan Peck	34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senarai jadual **Halaman**

3.1	Taburan sampel mengikut sekolah bagi kumpulan rawatan	28
3.2	Taburan sampel mengikut sekolah bagi kumpulan kawalan	28
4.1	Taburan min dan sisihan piawai kumpulan rawatan	37
4.2	Taburan kekerapan pandangan guru mengenai penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.	38
4.3	Taburan kekerapan guru menggunakan perisian multimedia dalam kelas pemulihan.	39
4.4	Tahap kemahiran komputer * kesesuaian perisian sebagai ABM	40
4.5	Taburan kekerapan perasaan murid selepas menggunakan perisian multimedia bagi kumpulan rawatan	41
4.6	Ujian-t Perbezaan markat min ujian pra, ujian pos bagi kumpulan rawatan dan kawalan	42
4.7	Ujian t – Perbezaan ujian pos bagi kumpulan kawalan dan rawatan	43
4.8	Ujian t – Perisian Multimedia sebagai Alat bantu mengajar	44
4.9	Ujian t – Murid-murid mengikuti P&P mengunakan perisian multimedia	44

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senarai lampiran

A Contoh Soal Selidik

B Contoh Ujian Diagnostik

C Contoh Item Ujian

D Contoh Rekod Pencapaian

E Papan Cerita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ramai murid yang dihantar ke kelas pemulihan kerana tidak menguasai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). 3M amat penting ke arah menuju alaf baru selepas tahun 2000 kerana perkembangan Teknologi Maklumat semakin pesat dan mencabar. Walau bagaimanapun berdasarkan laporan hasil penyelidikan menunjukkan antara 10 hingga 15 % murid-murid sekolah rendah masih menghadapi masalah atau kesulitan pembelajaran dan gagal menguasai kemahiran asas 3M. Kegagalan menguasai kemahiran asas ini dilihat dari segi penggunaan bahan atau alat bantu mengajar yang sesuai untuk menyampaikan isi kandungan atau kemahiran. Kajian ini menumpukan kepada penggunaan perisian multimedia dalam usaha meningkatkan penguasaan kemahiran membaca terutamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar belakang kajian

Pengajaran pemulihan dijalankan dalam usaha memenuhi keperluan-keperluan pengajaran dan pembelajaran untuk murid yang diistilahkan sebagai murid ‘lembam’ atau ‘lambat’. Murid-murid ini ketinggalan dalam penguasaan mata pelajaran asas seperti Bahasa Melayu dan Matematik atau lebih khusus lagi, lemah dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah yang mempunyai kelas pemulihan di daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur. Pencalonan murid kelas pemulihan dibuat oleh guru kelas, guru besar, guru mata pelajaran , ibu bapa dan sebagainya. Pencalonan ini dibuat berdasarkan pemerhatian, kad laporan pencapaian akademik dan lain-lain.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Dua kumpulan dikenalpasti iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Murid-murid kumpulan rawatan telah mengikuti ujian pra dan skor markah diambil. Kumpulan murid ini menggunakan perisian multimedia yang dihasilkan oleh pengkaji selama empat minggu. Ujian diberikan sekali lagi dan skor ujian pos diambil. Perbandingan ujian pos bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan diuji bagi melihat kesan penggunaan perisian multimedia.

1.3 Pernyataan masalah

Pada hakikatnya sistem pendidikan yang dijalankan masa kini lebih menjurus kepada kecemerlangan akademik murid. Dengan hal yang demikian, pihak pentadbir sekolah memberi lebih tumpuan kepada murid-murid kelas peperiksaan seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Dalam memenuhi tuntutan kecemerlangan akademik, kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlepas pandang kepada murid-murid yang masih belum menguasai kemahiran membaca .

Terdapat beberapa masalah timbul dalam pengendalian kelas pemulihan. Antaranya adalah:

- Mengapakah masih ramai murid tidak boleh membaca walaupun telah mengikuti kelas pemulihan ?
- Mengapakah ramai guru tidak mampu menjalankan sesi kelas pemulihan dengan baik ?
- Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru semasa menjalankan kelas pemulihan ?
- Adakah murid-murid kelas pemulihan sememangnya tidak dapat dipulihkan sehingga mereka boleh dikategorikan sebagai golongan buta huruf ?
- Apakah jenis bantuan atau alatan yang boleh digunakan guru kelas pemulihan supaya pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pemulihan lebih berkesan ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan mengenai penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar yang boleh meningkatkan penguasaan kemahiran membaca Bahasa Malaysia berbanding pengajaran yang menggunakan kaedah tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Apakah skor murid-murid kelas pemulihan kumpulan rawatan dalam ujian pos ?
2. Adakah perisian multimedia sesuai dijadikan sebagai alat bantu mengajar dalam kelas-kelas pemulihan?
3. Sejauh manakah penggunaan perisian multimedia digunakan oleh guru dalam kelas pemulihan kumpulan rawatan ?
4. Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran komputer guru pemulihan dengan kesesuaian perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar (ABM) dalam kelas pemulihan ?
5. Adakah murid-murid suka menggunakan perisian multimedia yang dihasilkan untuk kelas pemulihan ?
6. Adakah terdapat perbezaan antara skor ujian pos kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Hipotesis kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan, pernyataan hipotesis nul dibina pada aras keertian (α) < 0.05. Pernyataan hipotesis nul bagi kajian ini ialah:

Ho1 : Tiada perbezaan signifikan pencapaian ujian pos bagi murid-murid pemulihan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho2 : Guru- guru pemulihan tidak berminat menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho3 : Murid-murid kelas pemulihan tidak suka mengikuti pembelajaran menggunakan perisian multimedia

1.6 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu pelbagai pihak serta pengkaji sendiri. Bagi diri pengkaji, kajian ini diharapkan dapat membuktikan perisian multimedia yang dihasilkan dapat digunakan sepenuhnya hingga memberikan kesan yang baik ke atas pengguna iaitu; murid-murid kelas pemulihan. Bagi guru-guru kelas pemulihan pula, pengkaji berharap hasil kajian ini akan membantu pengendalian kelas pemulihan yang selama ini kurang diberi perhatian dengan memperkenalkan penggunaan komputer dan perisian multimedia. Diharapkan elemen ini akan menarik minat murid-murid dan guru dalam menjayakan kelas pemulihan. Kajian ini dapat digunakan oleh pihak universiti sebagai asas kepada pembangunan perisian multimedia bagi kegunaan kelas pemulihan. Bidang ini tidak banyak diterokai di pasaran dan ini merupakan peluang bagi universiti menyumbang kepada kepakaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuasi eksperimental. Tempoh masa kajian dijalankan hanya selama 4 minggu sahaja. Sekiranya tempoh kajian dijalankan lebih lama kemungkinan keputusan pencapaian murid berbeza daripada hasil penyelidikan ini. Penyelidikan ini hanya dijalankan di beberapa buah sekolah rendah. Sekolah tersebut dipilih bagi memudahkan aktiviti pemantauan oleh pengkaji. Oleh kerana penyelidikan ini hanya terhad kepada beberapa buah sekolah sahaja, maka hasil dapatan tidak dapat mewakili kesemua kelas pemulihan khas yang terdapat di negeri-negeri lain yang mempunyai persekitaran yang berbeza. Kajian ini hanya tertumpu kepada murid-murid Tahun Tiga di dalam kelas pemulihan khas. Murid-murid ini telahpun dikenal pasti dan dipilih oleh guru kelas dan guru pemulihan melalui pemerhatian, ujian saringan dan ujian diagnostik. Penilaian ujian pos pula hanya terhad kepada penguasaan dalam bidang bacaan iaitu melalui ujian perbendaharaan kata dan kefahaman bacaan. Hal ini diukur melalui skor-skor ujian pra dan ujian pos.

1.8 Definisi istilah

1.8.1 Perisian multimedia

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan multimedia berasal daripada perkataan Inggeris yang terbit daripada dua perkataan iaitu ***Multi*** dan ***Media***. ***Multi*** bermaksud bermacam-macam atau berjenis-jenis manakala ***Media*** pula merupakan alat-alat yang digunakan sebagai saluran untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkomunikasi seperti akhbar, radio, televisyen dan sebagainya yang berperanan menyebarkan maklumat serta berita kepada orang ramai.

Rozinah Jamaluddin (2000) menyatakan multimedia tercipta dalam tahun 1950an dan merupakan kombinasi pelbagai media kaku dan bergerak bagi membentuk satu program pengajaran secara formal atau tidak formal. Namun pada masa kini multimedia lebih menjurus kepada integrasi elemen-elemen teks, audio, grafik, animasi, video dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses pembelajaran secara signifikan dan menghidupkan suasana maklumat. Ia membolehkan pengguna mengemudi (*navigate*) bertindak balas (*interact*), mereka cipta (*create*) dan berkomunikasi (*communicate*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan wujudnya pelbagai definisi multimedia, jelas dapat diperhatikan bahawa secara amnya terdapat dua ciri utama yang perlu dibincangkan apabila seseorang ingin membina definisi bagi multimedia. Ciri-ciri tersebut ialah;

1) Multimedia merujuk kepada suatu persembahan informasi dengan menggunakan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video serta interaktiviti antara pengguna dan juga komputer.
2) Multimedia merupakan suatu sistem yang membolehkan capaian informasi dilakukan secara tidak linear (non-linear navigation)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara amnya, definisi yang mudah bagi menyatakan multimedia di dalam kajian ini adalah suatu proses komunikasi berasaskan komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti teks, grafik, audio, video dan animasi". Sehubungan itu, usaha membangunkan pakej multimedia untuk menggalakkan pembacaan kanak-kanak, lebih-lebih lagi mengembangkan imaginasi, fantasi, dan kreativiti untuk menghadapi pembelajaran formal di sekolah, didapati perlu dikembangkan. Unsur-unsur multimedia seperti menggabungkan teks, imej, video, suara, dan animasi dalam persekitaran digital, yang membolehkan berlakunya saling interaktiviti dengan lebih berkesan (Thompson 1994) dalam Munir dan Halimah (1998) membentuk satu perisian multimedia dengan menggunakan alat pengarangan sama ada melalui pengaturcaraan atau antaramuka (GUI)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.8.2 Alat Bantu Mengajar

Musa (2002) menyatakan alat bantu mengajar adalah faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan pelajar-pelajar untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran baik dan lebih menarik. Musa (2002) memetik Noraziah Abdul Hamid (1981), mendefinisikan alat bantu mengajar sebagai satu bahagian yang padu dalam proses pengajaran. Ia bertujuan untuk menambah kelancaran perhubungan antara guru dan murid dan sebaliknya, murid sesama murid serta membantu atau mempercepatkan proses pemahaman mereka. Edgar Dale (1956) menyatakan bahawa daya ingatan pelajar berada di tahap tinggi jika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru yang mengajar menggunakan pelbagai kaedah yang melibatkan pelbagai deria pelajar. Bagi menyampaikan sesuatu isi pembelajaran, guru perlu menggunakan alat yang boleh membuatkan pengajarannya diterima murid. Menurut Musa (20002), alat bantu mengajar perlu digunakan untuk mempercepatkan proses pembelajaran, tetapi tidak berupaya mengambil tempat seorang guru.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1: Peranan media dalam pengajaran dan pembelajaran, Yusup (1997)

Dalam kajian ini alat bantu mengajar adalah perisian multimedia yang dibina dan digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pemulihan.

1.8.3 Kemahiran membaca

Menurut Mohamed Fadzil, membaca melibatkan proses deria dan minda. Kedua-dua proses ini adalah saling berhubungan antara satu sama lain. Proses bacaan yang melibatkan organ deria seperti mata dan telinga adalah kurang berkesan berbanding dengan proses minda. Pembacaan melalui minda amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan kerana ia melibatkan otak yang bertindak memproses bahan bacaan. Membaca ialah kebolehan memperoleh makna daripada teks. Membaca juga melibatkan kebolehan mengenal dan menterjemahkan lambang-lambang kepada bunyi-bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh lambang-lambang bertulis. Aktiviti membaca adalah untuk mendapatkan kesan dan makna pertalian (perhubungan) antara lambang-lambang bertulis atau lambang-lambang bahasa hendaklah berlaku dengan serta merta. Membaca juga ditakrif sebagai penyuaraan tulisan dalam erti kata memahami isi dan fikiran yang tertulis dan manusia perlu menguasai pembendaharaan kata dengan cepat dan banyak.

Oleh itu dapatlah difahamkan bahawa membaca adalah lebih daripada mengenal lambang (tulisan huruf) yang dilakar atau kebolehan membunyikan perkataan yang dicap atau ditulis. Dengan membaca kita dapat memahamkan segala perkataan yang dikemukakan dari segi penglihatan atau pandangan. Sebagai rumusan, membaca adalah memahami makna perkataan hasil daripada gabungan huruf. Memahami makna perkataan itu lebih penting daripada mengenali huruf-huruf abjad itu sendiri. Dengan itu bererti membaca memerlukan pemahaman. Tanpa pemahaman daripada perkara yang dibaca maka membaca tidak akan bermakna. Untuk memahami apa yang dibaca seseorang hendaklah mengenali perkataan itu. Tanpa mengenali perkataan sudah tentu seseorang itu tidak boleh membaca. Hal ini bermakna mengenali perkataan merupakan pengetahuan asas untuk membolehkan seseorang membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4 Kelas pemulihan

Sharifah (1979) telah mendefinisikan pengajaran pemulihan sebagai pengajaran melalui pendekatan dan kaedah yang khusus untuk murid-murid yang terlalu lemah. Menurut Brennan (1974) murid-murid lembam adalah murid-murid yang gagal menghadapi kerja normal sekolah untuk kumpulan sebaya mereka. Kegagalan murid-murid ini tidak boleh dianggap sebagai disebabkan oleh kecacatan.

Dalam konteks kajian ini kelas pemulihan yang menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar adalah untuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Kumpulan murid yang dikenalpasti untuk mengikuti program pemulihan khas dikenalpasti oleh guru kelas, guru besar, ibu bapa dan penjaga. Bagi murid Tahun Satu , mereka dicalonkan selepas mengikuti ujian saringan manakala murid Tahun Dua dan Tiga berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran tahun sebelumnya. Di dalam kajian ini, murid-murid pemulihan adalah mereka yang tidak lancar membaca, tetapi kenal huruf.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat menguji perisian multimedia yang dibina berdasarkan konteks yang ditetapkan di dalam kajian. Soalan-soalan kajian dan hipotesis akan diuji dan dijawab. Pengujian hipotesis akan menentukan sama ada hipotesis diterima atau ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERASI

2.1 Pengenalan

Pendidikan ialah hak asasi semua manusia. Pendidikan adalah cara yang paling berkesan untuk mobiliti sosial, kehidupan berdikari dan juga menjamin kehidupan yang bahagia. Pendidikan adalah proses pembelajaran dan pengubahsuaian yang diakibatkan oleh sistem sekolah dan pengalaman lain yang berkaitan. Tinjauan kajian meliputi konsep kelas pemulihan, masalah penguasaan kemahiran membaca murid-murid , media dan teknologi , unsur-unsur multimedia dan kesan perkembangan teknologi di dalam bidang pendidikan. Tinjauan juga akan melihat kajian-kajian lampau yang ada perkaitan dengan tajuk penyelidikan dan teori-teori pembelajaran dan pengajaran yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kelas pemulihan

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi perhatian kepada pendidikan khas sejak tahun 1960, berdasarkan wujudnya kelas pendidikan khas cacat pendengaran, cacat penglihatan, pendidikan pemulihan khas bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran di Malaysia. Kanak-kanak yang tergolong dalam kategori lain diserahkan ke kelas-kelas biasa dan berkemungkinan ada yang tidak bersekolah langsung. Melalui kelas pemulihan, murid-murid yang telah dikenal pasti akan melalui program pemulihan bagi memulihkan kelemahan-kelamahan yang mereka hadapi. Menurut Abdul Rahim (2001), dalam konteks KBSR program pemulihan merupakan langkah-langkah khusus yang dijalankan untuk membantu murid menghadapi masalah pembelajaran. Masalah pembelajaran yang dimaksudkan adalah kelemahan dalam penguasaan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira. Murid-murid ini hendaklah dipulihkan sebaik sahaja masalah tersebut dapat dikesan. Beliau juga menyatakan pengajaran pemulihan dijalankan dalam usaha memenuhi keperluan-keperluan pengajaran dan pembelajaran. Murid yang diistilahkan sebagai murid ‘lembam’ atau ‘lambat’ ketinggalan dalam mata pelajaran asas seperti Bahasa Melayu dan Matematik atau lebih khusus lagi, murid-murid ini yang lemah dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Pendidikan pemulihan telah lama wujud dalam sistem pendidikan negara ini. Pendidikan pemulihan juga boleh dijalankan di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan atau dalam darjah untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan. Menurut Syarifah Alawiyah Alsagoff (1985) pendidikan pemulihan adalah suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran untuk membetulkan sesuatu kekurangan atau membetulkan sesuatu yang tidak betul. Sehubungan itu, murid-murid yang mengalami ketinggalan dalam memperolehi kemahiran mula dikenalpasti. Laporan Rancangan Malaysia ke enam (1991-1995) menyatakan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) telah diperkukuhkan dengan siri ujian penilaian di sekolah bagi membolehkan guru mengenalpasti murid-murid untuk kelas pemulihan. Murid-murid ini dikenal pasti melalui pencapaian yang tidak memuaskan dalam akademik. Walau bagaimanapun langkah-langkah pemulihan yang berkesan telah terjejas disebabkan oleh saiz kelas yang besar dan kekurangan guru terlatih dalam pendidikan pemulihan. Menurut Syed Abu Bakar (1997) kanak-kanak pemulihan ialah kanak-kanak yang menghadapi masalah pebmelajaran sama ada dalam membaca, menulis atau mengira. Mereka menunjukkan simptom atau gejala kesulitan untuk membaca, menulis atau mengira.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pendidikan pemulihan ialah suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai langkah-langkah khusus untuk membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran (dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira). Seharusnya disedari bahawa kanak-kanak yang dipercayai mempunyai masalah-masalah pembelajaran mungkin daripada golongan kanak-kanak biasa (bukan terencat akal). Hal ini bermakna mereka dikatakan kanak-kanak normal dari segi kecerdasan, bahkan ada segelintir di antara mereka mungkin cerdik menurut Midah (1989)

Pemulihan dalam bidang bacaan sangatlah penting bagi setiap diri individu. Hal ini kerana kebolehan membaca dianggap sebagai asas bagi mencapai kejayaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam semua bidang terutama dalam bidang pendidikan. Masalah kelemahan membaca boleh menggugat pencapaian akademik murid-murid. Antara kelemahan dalam membaca ialah murid-murid terpaksa mengeja atau tidak tahu membunyikan perkataan. Menurut Jais Sahok dan Mat Nor Husin (1990) apabila kelancaran membaca terganggu, kefahaman makna konsep juga terganggu dan akhirnya maksud keseluruhan teks yang dibaca juga tidak difahami.

2.3 Kajian tidak boleh membaca

Penyelidikan Khadijah Rohani dan Zalizan (1994) yang membuat tinjauan prevelens mengenai keperluan pendidikan khas di kalangan kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 9 tahun mendapati 12.86% murid Tahap Satu memerlukan pendidikan khas yang bersesuaian dengan masalah yang mereka hadapi. Berdasarkan kepada peratusan ini, 15.4% daripada mereka tidak mengenal abjad, 42.5% tidak dapat mengenal perkataan, 25.6% tidak boleh mengeja langsung dan 31.5% tidak boleh membaca langsung. Jelas melalui penyelidikan ini, masalah tidak boleh membaca bermula daripada kemahiran yang paling asas iaitu mengenal huruf dan perkataan. Mohd Azrone Sarabatin melaporkan kajian daripada Manisah Mohd Ali dan Mohd Mokhtar Tahar yang mendapati kira-kira 24,000 murid-murid tingkatan satu tidak boleh membaca dan gagal menguasai matematik dengan baik dalam "Persidangan Antarabangsa Pendidikan Untuk Semua" yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini. Keadaan ini membuktikan masalah tidak boleh membaca juga menyebabkan masalah di bidang lain seperti penguasaan kemahiran mengira.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah tidak boleh membaca sudah lama dilakukan dan bilangannya bertambah setiap tahun. Sudah banyak penyelidikan lalu memperkatakan tentang murid-murid tidak boleh membaca. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Midah (1989) memetik statistik daripada Kementerian Pelajaran yang melaporkan antara tahun 1967 hingga 1970 , seramai 15 % murid tidak dapat membaca. Midah (1989) juga memetik Akhbar Sunday Times bertarikh 19 September 1979 melaporkan lebih kurang 190,000 murid sekolah kebangsaan tidak boleh membaca dari jumlah 1.9 juta orang. Kajian mengenai kelemahan membaca di kalangan murid-murid sekolah di Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan oleh Zaidah (1976) mendapati

i. Masih terdapat murid tidak mengenal huruf abjad.
ii. Masih terdapat murid tidak boleh membatang suku kata, perkataan yang lebih daripada dua suku kata.
iii. Masih terdapat murid tidak boleh menggabungkan bunyi-bunyi yang mengandungi suku kata tertutup
iv. Masih terdapat murid tidak boleh membunyikan huruf abjad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, mengapakah begitu ramai murid yang tidak boleh membaca ? Menurut Abdul Rahim (2001) kemahiran membaca merupakan proses mental atau kognitif. Goodman (1967, 1968) dan Smith (1978) dalam Abdul Rahim (2001) pula mengutarakan pendapat mereka bahawa pembacaan adalah suatu proses kognitif yang kompleks. Mereka berpendapat bahawa membaca adalah suatu proses psikolinguistik yang bermula daripada detik pembaca itu memerhatikan perkataan-perkataan di muka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

surat hingga kepada detik dia menubuhkan makna. Hal ini bererti bahawa sepanjang proses itu, ada interaksi antara bahasa dan pemikiran. Kelemahan membaca mungkin disebabkan kegagalan kanak-kanak mengaitkan makna dengan perkataan-perkataan tertentu dalam teks. Mungkin ada perkataan atau frasa tertentu dalam teks yang belum pernah difahaminya. Keadaan ini mungkin berkait dengan kekurangan dalam perbendaharaan kata kanak-kanak. Oleh itu jika kelemahan membaca tidak dipulihkan di peringkat awal lagi terutama pada Tahap Satu di sekolah rendah boleh menjejaskan keupayaan seseorang murid itu untuk menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi mengikut Ghazali Othman (1980). Pengajaran membaca dimulakan dengan sebutan huruf, perkataan dan ayat yang betul dan tepat dari peringkat awal sekolah rendah. Hakikatnya kemahiran membaca amat perlu dikuasai oleh setiap murid-murid sebelum mereka memasuki peringkat menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pembelajaran menggunakan komputer

Meskipun banyak pihak membincangkan penggunaan perisian multimedia di dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi tidak ada hasil kajian yang benar-benar mennjukkan perisian multimedia mampu mambantu murid-murid mendapatkan pembelajaran dengan lebih berkesan. Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris menggunakan perisian yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan tidak dilihat dari keberkesanan perisian tersebut tetapi hanya melihat penyampaian yang dijalankan dalam Bahasa Inggeris. Menurut Supyan (1998) keberkesanan penggunaan komputer multimedia dalam pendidikan masih terlalu awal untuk dinilai. Namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui penulisannya Supyan (1998) memetik hasil penyelidikan yang lalu telah membuktikan bahawa pembelajaran bahasa berbantukan komputer:

- meningkatkan minat terhadap mata pelajaran (Chambers dan Spretchers 1980, Kulik Kulik dan Cohen 1980, Fisher 1983, Norhanim Hamdan 1994, Afendi Hamat 1995, Zubaidah Zakaria 1996, Hazline Mahmood 1998, Zuwati Hasim 1998),
- meningkatkan minat terhadap mata pelajaran tersebut (Chambers dan Sprechers 1980, Kulik, Kulik, dan Cohen 1980, McDougall 1975),
- meningkatkan keberkesanan dalam kefahaman dan penguasaan bahasa Inggeris (Allen 1972, Magidson 1978, Supyan Hussin 1994),
- berkesan jika digunakan bersama-sama dengan bahan pengajaran yang lain dalam mata pelajaran bahasa (Edwards, Norton, Taylor, Dusseldrop, dan Weiss 1974, Fisher 1983, Supyan Hussin 1994, Ng dan Oliver 1987),
- berkesan jika ianya selari dengan sukatan mata pelajaran tersebut (Bloomeyer 1985, Supyan Hussin 1994, Zuwati Hasim 1998, Afendi Hamat 1995, Hazline Mahmood 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Media pengajaran

Bahan pembelajaran perlu disampaikan kepada murid-murid. Oleh itu satu alat perlu digunakan untuk memastikan isi kandungan, maklumat dan pembelajaran sampai kepada murid-murid. Sesetengah dari mereka akan belajar dengan lebih berkesan dengan cara melihat sahaja, manakala murid yang lain pula belajar dengan lebih baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baik melalui pendengaran dan ada pula mendapat keberkesanan pelajaran secara optimum melalui penggabungan beberapa modaliti deria itu. Hal ini termasuklah kombinasi modaliti deria penglihatan, pendengaran dan pengalaman melakukan sesuatu Mohd Yusoff dan Azhar (2000). Lagi banyak penglibatan modaliti deria pelajar maka lebih berkesanlah pengajaran dan pembelajaran tersebut. Ab Rahim (1993) menyatakan golongan yang lembap memerlukan banyak media yang berorientasikan pemulihan.

Menurut Musa (2002) pancaindera pandang dan dengar merupakan dua saluran indera yang penting sekali dalam proses pembelajaran, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah. Bagi murid-murid dalam lingkungan umur 6 – 12 tahun , mereka masih banyak bergantung pada pengalaman-pengalaman konkrit dan banyak menggunakan deria pandang dan dengar untuk menguasai kemahiran dan memperolehi ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian sumber pengajaran dan pembelajaran (alat bantu mengajar) khasnya alat pandang dengar, memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kelas KBSR. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid serta menghargai kemahiran mereka perlu diwujudkan. Mohd Azrone Sarabantin memetik Prof Datuk Dr Isahak Haron menyatakan pembelajaran berbantu gambar juga boleh membantu kanak-kanak untuk terus belajar kerana objek berkenaan menggalakkan kanak-kanak itu mengenali abjad bagi memastikan mereka dapat membacanya tanpa bantuan orang lain.

Perkembangan teknologi banyak membawa pembaharuan dalam dunia pendidikan. Kerajaan dan orang ramai menunjukkan perhatian yang semakin serius

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap peranan yang dapat dimainkan oleh teknologi dalam pendidikan. Kedua-dua pihak yakin bahawa teknologi dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan berbanding dengan media lain. Keistimewaan yang utama ialah multimedia yang merangkum pelbagai media membolehkan interaktif dengan pengguna. Menurut Munir dan Halimah (1998), penggunaan multimedia dalam pendidikan mampu membantu dunia pendidikan menjadi lebih berkesan, terutama dari segi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak. Pembelajaran menggunakan teknologi sesuai untuk membantu memudahkan murid-murid belajar, sambil guru memainkan peranan sebagai pengurus atau fasilitator.

Wayne F. Virag (1976) dalam Musa (2002) menyatakan seseorang individu dalam suasana pembelajaran adalah tertakluk kepada pelbagai bahan pengajaran, teknik-teknik dan peringkat-peringkat penyampaian pengajaran. Suasana pembelajaran ini pula dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kaedah penyampaian dan bahan pengajaran, yang digunakan dalam suasana fizikal yang direka untuk pembelajaran. Itzkoff (1996) menyatakan satu strategi yang berhati-hati, menyenangkan dan tetap mesti dirancang kepada murid-murid yang mengalami masalah pembacaan yang lambat agar boleh membantu pembentukkan kemahiran literasinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Multimedia

Penggunaan media berbentuk perisian multimedia di dalam pengajaran disokong oleh Gagne (1985) yang menyatakan murid-murid perlu mengulangi pelajaran beberapa kali untuk memahami sesuatu konsep pembelajaran. Bagi murid-murid yang mempunyai kemampuan pembelajaran yang berbeza, Gardner (1993) menyatakan mereka sudah pasti tidak mempunyai kebolehan dan cara belajar yang sama. Oleh itu waktu pembelajaran fleksibel mengikut kemampuan murid-murid diperlukan. Masalah ini boleh diatasi, dan dijangka penggunaan bahan multimedia merupakan satu pendekatan yang sesuai.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Murid-murid dapat mengingat kira-kira 20% daripada perkara yang dilihat, kira-kira 30% daripada perkara yang didengar, dan kira-kira 60% daripada perkara yang dibuat. Oleh sebab perisian multimedia mampu mengintegrasikan pelbagai bentuk media di dalamnya, maka murid-murid akan mendapatinya amat berguna dalam pembelajaran bahasa. Umpamanya, dalam suatu kursus bahasa yang menggunakan bahan multimedia, murid-murid dapat membaca dialog perbincangan melalui keratan esei yang diberikan, mendengar dialog dan intonasi setiap ayat yang dibualkan melalui klip suara. Ringkasnya, dengan adanya perisian multimedia, murid-murid dapat mempelajari suatu bahasa dengan lebih berkesan dan bermakna kerana murid-murid bukan sahaja diberikan input bahasa yang kaya, tetapi juga dapat menggunakan ketiga-ketiga pancainderanya (deria mata, deria telinga, dan deria sentuhan) secara aktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Multimedia adalah teknologi maklumat terkini yang membenarkan integrasi dan manipulasi video, audio, teks, grafik dan animasi (Baharuddin & Mohd, 1995). Penggunaan multimedia mempunyai peranan penting dalam pendidikan matematik. Antaranya ialah multimedia boleh;

1. Memberi peluang kepada murid-murid untuk belajar sendiri berdasarkan kemampuan masing-masing.
2. Memudah dan mempercepatkan kefahaman sesuatu konsep matematik.
3. Menjadikan aktiviti pembelajaran menarik dan menyeronokkan.
4. Membekalkan lebih banyak maklumat dan pengetahuan kepada murid-murid.
5. Membantu murid-murid mengulangi sesuatu isi pelajaran berulang kali

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Pembinaan perisian multimedia merupakan kombinasi pelbagai media kaku dan bergerak bagi membentuk satu program pengajaran secara formal atau tidak formal menurut Heinch et. al. (1996). Kombinasi grafik, animasi, teks, video dan bunyi dalam satu perisian membantu untuk mempertingkatkan interakasi. Ini sangat berbeza dengan pembelajaran konvensional yang menggunakan buku teks sebagai media. Pelajar-pelajar akan lebih mudah mengantuk dan merasa bosan kerana tiada unsur interaktif. Jika kombinasi elemen-elemen interaktif ini digabung, sudah pasti akan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan Multimedia membolehkan pengguna mengemudi (*navigate*) bertindak balas (*interact*), mereka cipta (*create*) dan berkomunikasi (*communicate*). Bahan atau media yang diprogramkan khas untuk kerja-kerja pemulihan adalah terdiri daripada jenis linear dan sangat tinggi taraf kecerakinannya supaya susunan tugas pembelajaran menjadi terlalu kecil dan senang diikuti oleh murid yang lembap menurut Ab Rahim (1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Munir dan Halimah (1998) menyatakan ramai orang makin ghairah terhadap multimedia kerana teknologi itu didapati boleh memberi dimensi baru dalam meningkatkan literasi membaca kanak-kanak. Keistimewaannya teknologi itu dapat melahirkan gaya dan cara berfikir secara kreatif dan inovatif. Multimedia mampu memberi manfaat kepada pendidikan. Antaranya, pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana menggabungkan deria pancaindera murid-murid. Penglibatan deria membolehkan mereka dapat mempelajari ilmu yang ada sesuai dengan minat, kesukaaan, bakat, keperluan, pengetahuan, dan emosi masing-masing.

Bagi melihat kejayaan program membaca yang dihasilkan melalui penggunaan multimedia Jyh Wee Sew (1999) melaporkan di New Zealand misalnya, ada set bacaan yang diberi nama 'Reading Master' digunakan untuk membantu kanak-kanak prasekolah mahupun orang dewasa membaca. Banyak ibu bapa yang tampil ke hadapan dan mengakui keupayaan perisian komputer CD-ROM dan bahan bertulis set bacaan ini. Kanak-kanak sekolah rendah yang lemah dalam pembacaan telah menunjukkan pencapaian tahap kenal-huruf yang tinggi selepas mengikuti sistem pembacaan ini. Kita percaya bahawa pembelajaran bahasa akan menjadi lebih menarik, bermakna, dan produktif melalui penggunaan bahan multimedia. Hal ini demikian kerana bahan multimedia dapat menggabungkan bunyi, suara, gambar, filem, dan teks untuk mewujudkan persekitaran baru yang kaya dengan input bahasa yang membolehkan murid-murid berinteraksi dengan bahasa yang dipelajari. Keistimewaan ini tidak terdapat pada alat bantu mengajar yang lain, seperti buku, pita audio, dan pita video yang lebih bersifat satu hala atau *unidirectional.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan komputer dengan elemen-elemen multimedia dijangka dapat memenuhi keperluan pembelajaran bagi murid-murid yang mempunyai gaya kognitif yang berbeza. Elemen-elemen multimedia yang menggabungkan sumber warna, animasi, teks, gambar, grafik, video dan bunyi untuk penyampaian bahan-bahan pengajaran. Hal ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, memberansangkan, berkesan dan boleh dijalankan secara berulang-ulang. Ab Rahim (1993) memberi contoh mengenai pengajaran bahasa dengan ayat mungkin tidak sebaik dengan cara perkataan dipecahkan mengikut fonetiknya, sebutan disediakan dan mengulang berkali-kali bunyi itu sehingga tercapai peringkat kemahiran bahasa yang tinggi.

Sejajar dengan anjakan paradigma di sekolah-sekolah sekarang yang mengutamakan pendekatan inovatif dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran, maka kajian untuk membangunkan produk ini adalah salah satu permulaan untuk memindahkan bahan-bahan pengajaran berasaskan teks diolah dan dipindahkan menjadi bahan-bahan pengajaran multimedia interaktif. Hal ini tentunya akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Kesimpulan

Penguasaan kemahiran membaca bagi murid-murid kelas pemulihan perlu diberi bantuan. Penggunaan media atau alat bantu mengajar sangat penting untuk menyampaikan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji cuba mengaitkan penggunaan media dalam bentuk perisian multimedia sebagai bahan dengan menggunakan teori-teori dan panduan daripada kajian-kajian lalu agar perisian yang dihasilkan menepati dan boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Penyelidikan ini direka bentuk untuk mengkaji keberkesanan penggunaan bahan multimedia sebagai salah satu media pengajaran berbanding dengan media pengajaran tradisional bagi murid-murid kelas pemulihan Tahun Tiga sekolah rendah . Pencapaian yang hendak diukur ialah pencapaian dalam ujian Bahasa Melayu yang merangkumi ujian membaca. Skor dalam ujian pra dan ujian pasca diambil dan dibuat perbandingan. Skor pencapaian murid daripada dua kumpulan (kawalan dan rawatan) akan dibandingkan.

Penyelidikan ini melihat kepada dua fasa pembangunan iaitu pembangunan penyelidikan ini dari segi pentadbiran penyelidikan dan pembangunan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Keperluan Perkakasan

Kajian ini menggunakan perisian multimedia (*CD ROM*) yang dibina sendiri berasaskan buku "Beginilah caranya … Sayang, Buku 7" bagi murid-murid kelas pemulihan. Pembinaan perisian memerlukan perkakasan seperti set komputer lengkap dengan keupayaan tinggi , mesin pencetak, mesin pengimbas dan mikrofon. Selain itu, perisian yang digunakan adalah seperti Authorware 6.5, Adobe Photoshop 7, Macromedia Flash 5, Sound Forge 4.5 dan beberapa perisian sokongan lain.

Selain itu bagi mendapatkan keputusan pencapaian , satu siri ujian perlu ditadbir (lampiran C) . Soal selidik juga diedarkan kepada guru-guru kelas pemulihan untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka mengenai penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar (lampiran A).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Persampelan

Kajian ini melibatkan 16 buah sekolah di daerah Kuantan Pahang Darul Makmur dengan mengambil murid-murid Tahun 3 kelas pemulihan sebagai sampel. Jumlah sampel ialah seramai 56 orang bagi kumpulan rawatan dan 60 orang bagi kumpulan kawalan. Responden juga melibatkan 16 orang guru kelas pemulihan bagi menjawab soal selidik mengenai penggunaan perisian multimedia. Jadual berikut menerangkan komposisi sampel dan responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Taburan sampel mengikut sekolah bagi kumpulan rawatan

Bil	Nama sekolah	Bilangan murid Tahun 3 yang tidak menguasai 3M		
		L	P	Jumlah
1.	SK Sultan Abdullah	7	2	9
2.	SK Ubai	2	1	3
3.	SK Bukit Kuin	7	1	8
4.	SK LKTP Leper Hilir 2	4	4	8
5.	SK Sungai Lembing	5	1	5
6.	SK Cenderawasih	4	3	7
7.	SK Pandan	4	3	7
8.	SK Bukit Rangin	6	3	9
			Jumlah	56

Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sampel mengikut sekolah bagi mewakili kumpulan murid-murid kelas pemulihan yang diberi rawatan menggunakan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Taburan sampel mengikut sekolah bagi kumpulan kawalan

Bil	Nama sekolah	Bilangan murid yang tidak menguasai 3M		
		L	P	Jumlah
1.	SK Terumtum	10	2	12
2.	SK Sungai Ular	11	4	15
3.	SK Kampong Padang	7	2	9
4.	SK Tok Sira	3	2	5
5.	SK Indera Mahkota Utama	2	1	3
6.	SK Sungai Baging	3	1	4
7.	SK Balok Makmur	4	3	7
8.	SK Nadak	4	1	5
			Jumlah	60

Jadual 3.2 menunjukkan bilangan sampel yang dijadikan kumpulan kawalan murid-murid kelas pemulihan yang dibandingkan dengan kumpulan rawatan yang menggunakan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Metodologi penyelidikan

Penyelidikan ini berbentuk kuasi eksperimen berdasarkan sampel yang didedahkan kepada satu pengalaman dan kesannya diuji. Dua ujian dijalankan iaitu ujian pra untuk menentukan faktor kemasukan dan ujian pos untuk menentukan kesan, Mohd Najib (1999). Reka bentuk asas penyelidikan ini adalah seperti rajah di bawah :

	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pos
Kumpulan A (eksperimen)	O1	X	O2
Kumpulan B (kawalan)	O3		O4

O1 dan O2 = cerapan ujian pra dan ujian pasca kumpulan eksperimen
O3 dan O4 = cerapan pra ujian dan pasca ujian kumpulan kawalan
X = kumpulan eksperimen yang menerima rawatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1 : Reka bentuk Penyelidikan

Ujian pra (lampiran B) dijalankan oleh guru pemulihan dan direkodkan (lampiran D). Rawatan yang diberikan adalah berbentuk pengajaran menggunakan perisian multimedia selama 4 minggu. Guru kelas pemulihan membuat ujian pos berdasarkan item ujian (lampiran B) dan keputusan dicatatkan (lampiran C)

Secara amnya, proses kajian bermula dengan mendapatkan keputusan skor ujian pra yang dijalankan oleh guru-guru kelas pemulihan. Kebanyakan ujian diagnostik telah pun dijalankan oleh guru-guru di awal sesi persekolahan. Pengkaji kemudiannya mengedarkan perisian multimedia kepada guru-guru kelas pemulihan untuk digunakan di dalam kelas mereka. Jangka masa empat minggu diberikan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru-guru menggunakan perisian sebagai alat bantu mengajar. Seterusnya, guru juga diminta menjalankan ujian pos. Skor bagi ujian ini dikumpul dan guru-guru diminta menjawab soal selidik. Pengkaji kemudiannya mengutip kembali borang soal selidik dan keputusan skor ujian pra dan ujian pos untuk dianalisis.

3.5 Pembangunan perisian

Proses pembinaan sebuah perisian atau aplikasi multimedia bukanlah merupakan satu proses yang mudah dan boleh dihasilkan dalam suatu jangkamasa yang pendek. Proses ini memerlukan perancangan yang terperinci dan sistematik agar perisian yang dihasilkan bermutu tinggi dan berkualiti seperti yang diharapkan. Antara langkah dalam menghasilkan perisian adalah:


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Penyediaan carta alir

Proses membangunkan carta alir adalah sangat penting kerana merupakan peta jalan bagi aplikasi program multimedia yang berbentuk interaktif yang mengillustrasikan pelbagai pilihan pengguna pada skrin yang bergantung kepada proses aliran perisian yang dibangunkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2 : Carta alir kandungan perisian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Membangun papan cerita

Daripada carta alir yang disediakan, pengkaji memindahkan idea kepada papan cerita. Papan cerita adalah persembahan grafik daripada projek multimedia yang dicadangkan dan juga merupakan pelunjuran idea yang dipersembahkan dalam skrip program.

3.5.3 Merancang unsur-unsur multimedia

Unsur-unsur multimedia yang digunakan di dalam perisian ini adalah grafik, teks, dan audio. Teks yang dipilih untuk digunakan dalam perisian adalah *Century Gothic* (contoh teks : Adik Ramli ada bilik) . Huruf ini adalah sesuai untuk dibaca di skrin komputer. Format teks adalah konsisten dari awal program hingga akhir . Jika teks yang tidak konsisten dari segi reka letak, jenis huruf warna, lokasi dan sebagainya akan menjejaskan proram pembelajaran menurut Yusup (1997). Dari segi pemilihan grafik, pengkaji cuba mengurangkan gangguan kepada isi kandungan atau aktiviti membaca, kerana grafik yang banyak akan melarikan perhatian murid. Menurut Yusup (1997) paparan yang menunjukkan teks diikuti dengan grafik. Penghasilan grafik dan ubahsuai dilakukan dengan perisian Adobe Photoshop 7. Hampir keseluruhan perisian ini bergantung pada penggunaan audio dalam bentuk rakaman suara kerana kumpulan sasaran adalah murid yang tidak tahu membaca. Audio disampaikan dalam bentuk bunyi atau suara manusia, Yusup (1998). Bagi kerja-kerja rakaman dan muzik latar, perisian Sound Forge 4.5 digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.4 Pengaturcaraan perisian multimedia

Mengenal pasti perisian yang digunakan untuk membina perisian multimedia. Pengkaji menggunakan perisian Macromedia Authorware 6.5 untuk sebagai alat pengarangan.

3.5.5 Proses penyimpanan/storan

Setelah siap, perisian multimedia di pakej dan dibuat beberapa salinan dalam bentuk CD untuk diedarkan kepada guru-guru kelas pemulihan yang berkenan .


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Reka bentuk pembangunan

Reka bentuk pembangunan perisian multimedia yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan model Hannafin dan Peck. Model Hannafin dan Peck (1988) dalam Jamaluddin, Baharuddin dan Zaidatun (2001) , mengandungi 3 fasa yang utama iaitu “Need Assesment Phase” (Fasa Analisa Keperluan), “Design Phase” (Fasa Rekabentuk) dan “Develop & Implement Phase” (Fasa Pembangunan dan Perlaksanaan). Di samping itu, setiap fasa tersebut akan sentiasa melalui proses penilaian dan penyemakan atau pengulangan yang dilaksanakan secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3 : Model reka bentuk instruksi bersistem Hanaffin dan Peek

3.6.1 Fasa Analisa Keperluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam fasa ini, pengkaji membuat penilaian terutama sekali terhadap ciri-ciri kumpulan sasaran. Ini termasuklah menentukan perisian yang bakal digunakan oleh guru sebagai alat bantu mengajar, mengambil kira pengetahuan sedia ada pengguna, perubahan tingkah laku yang diingini, objektif yang hendak dicapai, perkakasan dan perisian yang diperlukan dan sebagainya. Ini semua bagi memastikan proses merekabentuk seterusnya mempunyai satu panduan serta hala tuju yang boleh diikuti.

Dalam fasa ini pengkaji melaksanakan proses menganalisis terhadap keperluan perisian bagi memastikan pembangunan sesebuah perisian lebih terancang dan sistematik. Dalam fasa ini pengkaji telah menetapkan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan bahan daripada buku 'Beginilah Caranya … Sayang' Buku 7 sebagai asas kepada pembangunan perisian .

3.6.2 Fasa Rekabentuk

Dalam fasa ini, pengkaji memilih mod tutorial berdasarkan teori pembelajaran Gagne yang menyarankan bahawa pembelajaran harus dibuat secara kecil-kecilan dan disampaikan dari peringkat mudah ke peringkat kompleks mengikut Rao *et al* (1991) . Murid dapat mengulang tutorial mengikut keperluan, kemampuan dan kadar sendiri. Tutorial yang disediakan adalah multimedia melibatkan grafik, animasi, bunyi dan berbentuk interaktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Fasa Pembangunan dan Perlaksanaan

Dalam fasa ini perisian dibangunkan dan semua elemen utama yang telah direkabentuk dalam fasa sebelumnya diterjemahkan ke dalam bentuk yang labih praktikal sama ada dengan bantuan sistem bahasa pengaturcaraan, pengarangan dan sebagainya. Perisian yang telah siap ini kemudiannya akan dipakej dan diedarkan dalam bentuk cakera padat kepada guru-guru kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.4 Penilaian dan pengulangan

Perisian yang dibangunkan, dinilai oleh guru-guru semasa menggunakannya. Namun penilaian dan pengubahsuaian ke atas reka bentuk atau isi kandungan tidak dijalankan melalui kajian ini. Adalah diharapkan , sekiranya pengkaji berpeluang meneruskan kajian ini atau ada pihak yang berminat, boleh membuat proses pemurnian dan reka bentuk yang berlainan boleh disesuaikan dengan keperluan ketika itu.

3.7 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses membangunkan sebuah perisian multimedia terutamanya yang berkonsepkan pendidikan merupakan satu proses yang melibatkan masa yang panjang, kos yang tinggi dan sentiasa perlu dikaji kesesuaiannya. Perisian multimedia melibatkan suatu proses penyaluran maklumat. Justeru itu pembangunan produk multimedia ini dijalankan terlebih dahulu dan kemudiannya diuji. Kajian dijalankan dengan langkah-langkah yang sistematik supaya setiap soalan kajian dapat dijawab dan keberkesanan perisian dapat diuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Analisis dapatan kajian adalah untuk melihat taburan kekerapan dan hubungan di antara beberapa variabel. Disamping itu , analisis juga dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian dan hasil ujian ini dapat menentukan hipotesis diterima atau ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Dapatan kajian

4.2.1 Soalan kajian 1

Apakah skor murid-murid kelas pemulihan kumpulan rawatan dalam ujian pra dan ujian pos ?

Jadual 4.1
Taburan min dan sisihan piawai kumpulan rawatan

Kumpulan rawatan	N	Min	Sisihan Piawai
Ujian pra	8	12.3000	1.87464
Ujian pos	8	13.1875	1.33463

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, min kumpulan rawatan dalan ujian pos lebih tinggi berbanding min kumpulan rawatan dalam ujian pra. Hal ini bermakna skor dalam ujian pos adalah lebih baik daripada skor dalam ujian pra.

4.2.2 Soalan kajian 2

Adakah perisian multimedia sesuai dijadikan sebagai alat bantu mengajar dalam kelas-kelas pemulihan?

Jadual 4.2
Taburan kekerapan pandangan guru mengenai penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

Guna sebagai ABM	Kekerapan	Peratus
Ya, sesuai	8	50.0
Tidak pasti	5	31.3
Tidak sesuai	3	18.8
Jumlah	16	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan guru menyatakan pandangan mereka mengenai kesesuaian penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar di kelas-kelas pemulihan. Sebanyak 50 % yang menyatakan perisian ini sesuai untuk dijadikan alat bantu mengajar, 31.3 % tidak pasti dan 18.8 % guru menyatakan tidak sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Soalan kajian 3

Sejauh manakah penggunaan perisian multimedia digunakan oleh guru di dalam kelas pemulihan kumpulan rawatan ?

Jadual 4.3

Taburan kekerapan guru menggunakan perisian multimedia dalam kelas pemulihan.

Penggunaan perisian	Kekerapan	Peratus
Sebagai ABM	4	25.0
Sebagai pengukuhan	3	18.8
Pembelajaran kendiri	1	6.3
Jumlah	8	50.0

Jadual 4.3 menunjukkan antara guru-guru kelas pemulihan kumpulan rawatan, 25 % menggunakan perisian multimedia bersama-sama pengajaran iaitu sebagai alat bantu mengajar. 18.8 % menggunakan perisian sebagai bahan pengukuhan dan 6.3 % membenarkan murid menggunakannya sendiri seperti kegunaan bahan pembelajaran kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Soalan kajian 4

Adakah terdapat hubungan antara tahap kemahiran komputer guru dengan kesesuaian perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar (ABM) dalam kelas pemulihan ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4
Tahap kemahiran komputer * kesesuaian perisian sebagai ABM

	Tahap kemahiran komputer guru			
Perisian sesuai sebagai ABM	Guna dengan baik	Kemahiran asas sahaja	Guna dengan bantuan	Menaip sahaja
Ya, sesuai	2 66.7%	3 60.0%	2 50.0%	1 25.0%
Tidak pasti	1 33.3%	0 .0%	2 50.0%	2 50.0%
Tidak sesuai	0 .0%	2 40.0%	0 .0%	1 25.0%
Jumlah	3 100.0%	5 100.0%	4 100.0%	4 100.0%

Ujian Khi Kuasa Dua Likelihood Nilai 8.354 , df 6, p=0.213
Nilai Somer's d di mana perisian sesuai sebagai ABM sebagai pembolehubah bersandar : 0.189, p=0.298

Jadual 4.4 menunjukkan 66.7 % guru yang mempunyai tahap kemahiran komputer dengan baik menyatakan perisian multimedia ini sesuai sebagai alat bantu mengajar, berbanding 25 % guru yang menggunakan komputer untuk menaip sahaja. Manakala tiada guru yang mempunyai kemahiran komputer yang baik menyatakan perisian komputer tidak sesuai sebagai alat bantu mengajar . Ujian Khi Kuasa Dua Likelihood Ratio nilai 8.354, df 6 dan p=0.213 menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran komputer guru kelas pemulihan dengan kesesuaian bahan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas pemulihan. Nilai Somer's d : 0.189 dan p=0.298 menyatakan perisian sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar sebagai pembolehubah bersandar , menunjukkan tidak terdapat korelasi antara tahap kemahiran komputer guru kelas pemulihan dengan kesesuaian bahan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Soalan kajian 5

Adakah murid-murid suka menggunakan perisian multimedia yang dihasilkan untuk kelas pemulihan ?

Jadual 4.5

Taburan kekerapan perasaan murid selepas menggunakan perisian multimedia bagi kumpulan rawatan

Perasaan	Kekerapan	Peratus
Kebanyakan rasa gembira / separuh gembira	5	62.6
Kebanyakan tidak gembira/tidak peduli	3	37.5
Jumlah	8	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan berdasarkan permerhatian guru semasa murid menggunakan perisian, 5 orang guru melaporkan bahawa murid-muridnya kebanyakan rasa gembira atau separuh gembira setelah selesai sesi pembelajaran menggunakan perisian multimedia iaitu 62.6 % . Sebanyak 37.5 % atau 3 orang guru menyatakan murid-muridnya kebanyakan tidak gembira atau kebanyakannya tidak peduli setelah selesai sesi pembelajaran menggunakan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6 Soalan 6

Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pos kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan?

Jadual 4.6

Ujian-t Perbezaan markat min ujian pra, ujian pos bagi kumpulan rawatan dan kawalan

Ujian	Pembolehubah	N	Min	Sisihan piawai	Nilai t	Darjah Kebebasan	Aras Signifikan
1 (rawatan) 2 (kawalan)	Ujian pra	8 8	14.4500 12.3000	2.67047 1.87464	1.864	14	.083
1 (rawatan) 2 (kawalan)	Ujian pasca	8 8	15.3750 13.1875	2.19984 1.33463	2.405	14	.031

($p = <0.05$)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.6 dapatan kajian mendapati min ujian pos kumpulan rawatan adalah 15.3750, lebih besar daripada kumpulan kawalan (13.1875) dengan perbezaan yang signifikan ($p= < 0.000$). Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian ujian pos murid-murid kumpulan rawatan berbanding murid-murid kumpulan kawalan setelah menggunakan perisian multimedia. Berdasarkan dapatan ini, perisian multimedia di dapati membantu pencapaian murid-murid kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Hipotesis 1

Tiada perbezaan signifikan pencapaian ujian pos bagi murid-murid pemulihan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Jadual 4.7

Ujian t – Perbezaan ujian pos bagi kumpulan kawalan dan rawatan

t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	Perbezaan Sisihan Piawai	95% Perbezaan Tahap Keyakinan	
					Lower	Upper
2.405	14	.031	2.1875	.90971	.23637	4.13863
2.405	11.538	.034	2.1875	.90971	.19659	4.17841

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 4.7 menunjukkan pengujian terhadap Ho1. Nilai signifikan p=0.31 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pos kedua-dua kumpulan. Oleh itu hipotesis ini adalah ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.8 Hipotesis 2

Guru- guru pemulihan tidak berminat menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

Jadual 4.8

Ujian t – Perisian Multimedia sebagai alat bantu mengajar

t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	95% Perbezaan Tahap Keyakinan	
				Had Bawah	Had Atas
9.661	15	.000	2.0625	1.6075	2.5175

Jadual 4.8 menunjukkan ujian t bagi Ho2. Nilai signifikan daripada ujian ini adalah p = 0.000 . Oleh itu hipotesis ini adalah ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.9 Hipotesis 3

Murid-murid kelas pemulihan tidak suka mengikuti pembelajaran menggunakan perisian multimedia

Jadual 4.9

Ujian t – Murid-murid mengikuti P&P mengunakan perisian multimedia

t	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	95% Perbezaan Tahap Keyakinan	
				Had Bawah	Had Atas
7.937	7	.000	1.5000	1.0531	1.9469

Jadual 4.9 menunjukkan ujian t bagi Ho3. Nilai signifikan daripada ujian ini adalah p = 0.000. Oleh itu hipotesis ini adalah ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Kesimpulan

Analisis data telah berjaya menjawab persoalan kajian serta membuat pembuktian terhadap hipotesis. Hipotesis yang dibina ditolak dan analisis data dalam peratusan kekerapan dan perbezaan min akan dibincangkan di dalam bab seterusnya bagi mendapatkan rumusan terhadap kajian yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan membuat rumusan mengenai dapatan daripada analisis data yang telah dijalankan. Selain itu, beberapa cadangan akan diketengahkan bagi menggunakan perisian multimedia untuk kelas-kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

5.2.1 Skor murid-murid kelas pemulihan di ujian pos bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Kajian menunjukkan skor kumpulan rawatan dalam ujian pos lebih tinggi berbanding skor kumpulan kawalan. Hal ini bermakna pencapaian murid-murid kelas pemulihan bagi kumpulan rawatan yang telah mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian multimedia adalah lebih baik daripada kumpulan kawalan yang tidak menggunakan perisian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

multimedia sebagai alat bantu mengajar. Hal ini menunjukkan penggunaan perisian multimedia telah membantu pencapai skor ujian pos murid-murid kumpulan rawatan.

5.2.2 Perisian multimedia sesuai dijadikan sebagai alat bantu mengajar dalam kelas-kelas pemulihan

Kajian menunjukkan sebanyak 50 % guru-guru kelas pemulihan menyatakan perisian multimedia sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar di kelas-kelas pemulihan. Manakala 18.8 % guru menyatakan perisian multimedia tidak sesuai digunakan sebagai alat bantu mengajar. Situasi ini menunjukkan bilangan guru lebih ramai bersetuju penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar bagi kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Perisian multimedia digunakan oleh guru di dalam kelas pemulihan kumpulan rawatan.

Dapatan daripada analisis menunjukkan antara guru-guru kelas pemulihan kumpulan rawatan, 25 % menyatakan mereka menggunakan perisian multimedia bersama-sama pengajaran iaitu sebagai alat bantu mengajar. Manakala 6.3 % membenarkan murid menggunakannya sendiri seperti kegunaan bahan pembelajaran kendiri. Peratusan ini menunjukkan lebih ramai guru berminat menggunakan perisian multimedia ini sebagai alat bantu mengajar semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4 Hubungan antara tahap kemahiran komputer guru kelas pemulihan dengan kesesuaian perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar (ABM) dalam kelas pemulihan.

Dapatan daripada analisis data menunjukkan 66.7 % guru yang mempunyai tahap kemahiran komputer dengan baik menyatakan perisian multimedia ini sesuai sebagai alat bantu mengajar, manakala 25 % guru yang menggunakan komputer untuk tujuan menaip sahaja menyatakan perisian multimedia ini tidak sesuai sebagai alat bantu mengajar. Ini menunjukkan ramai guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer merasakan perisian multimedia sesuai sebagai alat bantu mengajar berbanding guru yang kurang berpengetahuan tentang komputer. Sebagai rumusan, guru yang menerima penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar adalah guru-guru yang mempunyai latar belakang atau pengetahuan tentang komputer.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

5.2.5 Murid suka menggunakan perisian multimedia yang dihasilkan untuk kelas pemulihan ?

Kajian menunjukkan 62.6 % guru melaporkan bahawa murid-muridnya kebanyakan rasa gembira atau separuh gembira setelah selesai sesi pembelajaran menggunakan perisian multimedia berbanding 37.5 % murid-murid yang kebanyakan tidak gembira atau kebanyakannya tidak peduli setelah selesai sesi pembelajaran menggunakan perisian multimedia. Keadaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menunjukkan perisian multimedia sesuai digunakan kerana ia meningkatkan minat dan keseronokan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

5.2.6 Perbezaan di antara skor ujian pos kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan

Dapatan kajian mendapati min ujian pos kumpulan rawatan adalah lebih besar daripada kumpulan kawalan dengan perbezaan yang signifikan . Berdasarkan dapatan ini, perisian multimedia didapati membantu pencapaian murid-murid kelas pemulihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.7 Tiada perbezaan signifikan ujian pos bagi murid-murid pemulihan kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Dapatan kajian menunjukkan nilai $p < 0.05$, hipotesis berjaya dibuktikan dan dan ditolak. Terdapat perbezaan markah antara kumpulan rawatan yang menjalani pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan perisian multimedia berbanding kumpulan kawalan yang tidak menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.8 Guru- guru kelas pemulihan tidak berminat menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

Dapatan kajian menunjukkan nilai $p < 0.05$, hipotesis berjaya dibuktikan dan dan ditolak. Guru-guru kelas pemulihan berminat menggunakan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar.

5.2.9 Murid-murid kelas pemulihan tidak suka mengikuti pembelajaran menggunakan perisian multimedia

Dapatan kajian menunjukkan nilai $p < 0.05$, hipotesis berjaya dibuktikan dan dan ditolak. Murid-murid kelas pemulihan suka mengikuti pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian multimedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Kekangan yang dihadapi semasa menjalankan kajian dan penyelesaiannya

Sesuatu kajian yang dijalankan sama ada besar atau kecil memerlukan perancangan yang rapi. Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan semasa menjalankan penyelidikan. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji berhadapan dengan beberapa masalah, antaranya;

5.3.1 Sukar mendapatkan sampel

Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan sampel dan responden yang terdiri daripada guru-guru dan murid-murid kelas pemulihan daripada daerah Kuantan, Pahang . Sampel dan responden dipilih kerana pengkaji mudah untuk berhubung dan mendapatkan maklum balas daripada rakan-rakan semasa bertugas di negeri tersebut sebelum ini.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Isi kandungan perisian

Latar belakang pengkaji yang sebelum ini tidak pernah mengajar kelas pemulihan membuatkan pengkaji kurang berpengetahuan dalam pengendalian kelas pemulihan. Oleh itu, perkenalan melalui sahabat lama dengan Encik Khairudin b. Man yang merupakan seorang guru sumber dan pegawai di Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang merupakan peluang terbaik dagi mendapatkan sumber isi kandungan yang telahpun diterbitkan di dalam buku “Beginilah caranya … Sayang” . Buku khas bagi kelas pemulihan ini diterbitkan dengan kerjasama Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu mengandungi 12 buah. (Buku 1 hingga Buku 12).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mengunakan bahan dalam Buku 7 sebagai isi kandungan perisian multimedia yang dibina.

5.3.3 Soal selidik

Membina soal selidik merupakan satu lagi masalah bagi penyelidik. Kebanyakkan tulisan ilmiah daripada penyelidikan lampau tidak disertakan contoh soal selidik yang digunakan. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan soal selidik yang dibina oleh Prof. Dato' Dr. Isahak Harun, Pensyarah Penyelidikan Survei dengan melakukan beberapa perubahan bagi disesuaikan dengan kajian yang dijalankan.

5.4 Cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan kajian dan rumusan yang telah dibuat, beberapa langkah perlu diambil oleh pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah , Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan untuk membantu keberkesanan kelas pemulihan di sekolah rendah.

5.4.1 Memastikan guru-guru kelas pemulihan diberi kursus-kursus terkini bukan sahaja yang berkaitan dengan bidang pemulihan tetapi juga bidang lain seperti ICT untuk melengkapkan diri mereka supaya boleh menggunakan teknologi komputer di dalam pengajaran dan pembelajaran.

5.4.2 Pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah haruslah sentiasa memantau perjalanan kelas pemulihan agar kelas berjalan lancar dan dalam masa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama mencari bahan-bahan yang terkini dan berkesan untuk kegunaan murid-murid kelas pemulihan.

5.4.3 Kementerian Pendidikan juga harus memikirkan langkah-langkah untuk menggunakan perisian komputer sepertimana isu pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dijalankan dalam bahasa Inggeris dengan bantuan komputer. Kejayaan pengajaran Sains dan Matematik patut dijadikan panduan bagi menjayakan penggunaan perisian multimedia di dalam kelas-kelas pemulihan.

5.4.4 Jawatan sebagai guru kelas pemulihan tidak diminati ramai. Jika diberikan insentif dan kelonggaran-kelonggaran tertentu pasti guru-guru tidak lagi perlu dipaksa untuk menjadi guru kelas pemulihan tetapi juga bersemangat untuk menjayakan kelas pemulihan yang diamanahkan kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Cadangan kajian lanjutan

Sekiranya diberi peluang untuk menjalankan kajian lanjutan , pengkaji berharap dapat:

5.5.1 Menghasilkan perisian multimedia yang lebih baik dan mencakupi pelbagai aspek seperti video, animasi dan sebagainya. Pengkaji juga berharap dapat membentuk satu pasukan yang mempunyai pelbagai kemahiran agar perisian multimedia yang dihasilkan benar-benar berkesan dan membantu murid-murid kelas pemulihan.

5.5.2 Menjalankan kajian dalam keadaan yang lebih selesa, tidak terburu-buru dan membiarkan perubahan atau kesan berlaku tanpa dipaksa oleh kekangan masa. Pengkaji percaya dengan peruntukan masa yang lebih lama dapat memberikan kesan perubahan yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.3 Menggunakan lebih ramai sampel dan responden. Pemilihan sampel dan responden yang lebih ramai akan membolehkan kajian yang dilakukan digunakan untuk mewakili populasi yang lebih besar iaitu merentasi daerah, negeri dan sebaginya.

5.5.4 Meluaskan skop kemahiran yang diuji tidak tertumpu kepada kemahiran membaca sahaja. Kelemahan menulis dan mengira di dalam kelas pemulihan juga memerlukan perhatian dan bantuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Kesimpulan

Pengendalian kelas pemulihan sepatutnya diberi perhatian khusus. Pendekatan baru, model pembelajaran terkini, bahan canggih dan sebagainya perlu difikirkan selaras dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini. Melalui kajian ini, penggunaan perisian multimedia sebagai alat bantu mengajar sudah terbukti mampu menarik perhatian murid-murid malah guru-guru kelas pemulihan. Penggunaan perisian bukan sahaja menarik, malah sesuatu dorongan kepada murid-murid untuk belajar. Oleh itu pengkaji merasakan amatlah perlu semua pihak bekerjasama melakukan revolusi ke atas pengendalian kelas pemulihan dengan memberikan murid-murid ini bantuan dan kelebihan seperti kelas-kelas lain. Guru-guru diberi kursus, diajar menggunakan komputer, memberikan komputer untuk digunakan di dalam kelas, membenarkan kelas pemulihan dijalankan di dalam makmal komputer dengan tujuan memberikan pendedahan awal kepada teknologi dan sebagainya. Dengan penggunaan perisian multimedia sebagai media pengajaran, akan datang masalah buta huruf atau keciciran dalam sistem persekolahan di negara kita akan berkurangan dan seterusnya tidak lagi menjadi satu isu dalam pendidikan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahim Selamat (1993). *Teknologi Sistem Pengajaran*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abd. Rahman Yahya (2002). *Idea Untuk Macromedia Authorware.* Shah Alam: Federal Publications.

Hamid Awang (2002). *Reka Bentuk Pengajaran Pembelajaran Berbantukan Komputer Berasaskan Teori Tingkah Laku, Kognitif, dan Konstruktif* dalam Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-15 6-9 Sepetember: Bahagian Teknologi Pendidikan.

Hannafin dan Peck (1988). T*he Design, Development and Evaluation of Instructional Software* dalam Jamaluddin Harun, Baharuddin Aris dan Zaidatun Tasir (2001)**.** *Pembangunan Perisian Multimedia: Satu Pendekatan Sistematik*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Heinich et. al (1996). *Instructional Media and Technologies for Learning* dalam Rozinah Jamaluddin (2000) *Asas-Asas Multimedia Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Itzkoff, W. Seymour (1996). *Children Learning To Read : A Guide For Parents And Teachers***.** USA: Praeger Publishers.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). *Buku Panduan Perlaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Khas

Midah bt. Yusof (1989). *Kajian Kelemahan Dikalangan Murid-Murid Pemulihan Tahun 3*. Kertas Projek Kursus Sijil Lanjutan Perguruan Bacaan Penulisan yang tidak diterbitkan, Tanjong Malim: IPSI.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rao, GS., Rao, AK., Zoraini Wati Abas, Wan Fauzy Wan Ismail (1991). *Pembelajaran Berbantukan Komputer*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Baktid Sdn Bhd.

Rozinah Jamaluddin (2000) *Asas-Asas Multimedia Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

Sampsom O.C. (1975). *Remedial Education d*alam Sharifah Alwiyah Al-Sagoff (1985). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Hieneman Educational Books (Asia) Ptd.

Sharifah Alwiyah Al-Sagoff (1985). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Hieneman Educational Books (Asia) Ptd.

Sunday Times. 1979, 19 September

Syed Abu Bakar Syed Akil (1997). *Bimbingan Khas Perhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Unit Pendidikan Khas (2000) Beginilah Caranya…Sayang. Jabatan Pendidikan Terengganu.

Yusup Hashim (1997). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*. Siri Pendidikan Fajar Bakti. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Yusup Hashim. (1998). *Teknologi Pengajaran*. Siri Pendidikan Fajar Bakti. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zaidah Haji Othman (1976) *Satu Kajian Mengenai Kemahiran Asas Membaca Murid-murid Darjah Dua Dari Segi Huruf, Suku Kata dan Gabungan Suku Kata* dalam Midah bt. Yusof (1989). *Kajian Kelemahan Dikalangan Murid-Murid Pemulihan Tahun 3*, Kertas Projek Kursus Sijil Lanjutan Perguruan Bacaan Penulisan yang tidak diterbitkan, Tanjong Malim: IPSI.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN INTERNET

Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Baharuddin Aris & Mohd b. Bilal Ali (1995). *Pendekatan Alternatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik* dalam Tengku Zawawi bin Tengku Zainal. *Peranan Komputer dalam Pendidikan Matematik* Diperoleh Januari 8, 2004 http://www.geocities.com/Athens/Acropolis/2766/komputer.html

Brennan, W.K. (1974). *Shaping The Education of Slow Learners* dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Dale.E (1956) *Audio-Visual Methods in Teaching* dalam *Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah: Satu keperluan* dalam *Pengeluaran dan Penggunaan Media: Teori Pengajaran dan Pembelajaran* Diperoleh Mac 25, 2004 daripada http://www.geocities.com/pengajian_am/ge_6453a_teori_pp_ pengeluaran_dan_pengguna.htm

Gagne (1985) *The Conditions of Learning 4th ed.* dalam Zol Bahri Razali .*Pembelajaran Berbantu Multimedia: Implikasi Pembelajaran Subjek Kejuruteraan Mekanikal* Diperoleh Januari 9, 2004 daripada http://portal.kukum.edu.my/pls/portal30/docs/FOLDER/EXTERNAL_ PUBLICATION/PEMBELAJARANBERBANTUMULTIMEDIA.PDF

Gardner (1993) *Multiple Intelligence: The Theory in Practice* dalam Zol Bahri Razali .*Pembelajaran Berbantu Multimedia: Implikasi Pembelajaran Subjek Kejuruteraan Mekanikal* Diperoleh Januari 9, 2004 daripada http://portal.kukum.edu.my/pls/portal30/docs/FOLDER/EXTERNAL_ PUBLICATION/PEMBELAJARANBERBANTUMULTIMEDIA.PDF

Ghazali Othman. (1980). *Sejauh Manakah Kurikulum Rendah Darjah 1 hingga III Menjadi Asas yang Kukuh sebagai Persediaan Pengajaran* dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar. Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Goodman (1967, 1968) dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Smith (1978) dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Isahak Haron (1998) dalam Mohd Azrone Sarabatin. *Jangan pinggir pelajar buta huruf: Dr Isahak* . Diperoleh Januari 8, 2003 Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www.bharian.com.my/

Jais Sahok dan Mat Nor Husin (1990) dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Jyh Wee Sew . *Minda bacaan: fonik atau menyeluruh?.* Diperoleh Januari 29, 2004 daripada http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa99/j0399mk.htm

Khadijah Rohani dan Zalizan (1994). dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Mohamed Fadzil Che Din. *Kaedah Membaca Optimum*. Diperoleh Jun 23, 2004 daripada http://www.teennet.com.my/art_28.html

Mohd Azrone Sarabatin. *Jangan pinggir pelajar buta huruf: Dr Isahak* . Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www.bharian.com.my/

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Yusoff Daud dan Azhar Abdul Halim (2000). *Multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah: Satu keperluan* dalam *Pengeluaran dan Penggunaan Media: Teori Pengajaran dan Pembelajaran* Diperoleh Mac 25, 2004 daripada http://www.geocities.com/pengajian_am/ge_6453a_teori_pp_ pengeluaran_dan_pengguna.htm

Munir dan Halimah Badioze Zaman . *Mel: Meningkatkan Daya Kreatif Berbahasa Bagi Kanak-Kanak Prasekolah.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa99/j0499ajar.htm

Musa bin Sulaiman .*Back To Basics " Fokus Kepada Inovasi Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran "* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://mpkt.edu.my/penerbitan/04%20Back%20to%20basics.doc.

Noraziah Abdul Hamid (1981) *Alatan Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa* dalam Musa bin Sulaiman .*Back To Basics " Fokus Kepada Inovasi Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran "* . Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://mpkt.edu.my/penerbitan/04%20Back%20to%20basics.doc.

Rancangan Malaysia Ke Enam Pendidikan Dan Latihan. Diperoleh Januari 8, 2004 daripada www.pmo.gov.my

Sharifah (1979) dalam Abdul Rahim Bin Abdul Rashid. *Kesan Pendekatan Pengajaran Sistematik Terhadap Peningkatan Penguasaan Perbendaharaan Kata Dan Pemahaman Murid-Murid Yang Menghadapi Masalah Membaca Di Sekolah Rendah Luar Bandar.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://www2.moe.gov.my/~mpp/Rahim.htm

Supyan Hussin. *Pembangunan Perisian Pemelajaran Bahasa Berbantukan Komputer* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/ bahasa20 /mac/j03ajar1.htm

Thompson, S.A. (1994) *UpGrading Your PC to Multimedia* dalam Munir dan Halimah Badioze Zaman . *Mel: Meningkatkan Daya Kreatif Berbahasa Bagi Kanak-Kanak Prasekolah.* Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa99/j0499ajar.htm

Virag, Wayne F. (1976) dalam Musa bin Sulaiman .*Back To Basics " Fokus Kepada Inovasi Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran "* . Diperoleh Januari 8, 2004 daripada http://mpkt.edu.my/penerbitan/04%20Back%20to%20basics.doc.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi